

**PERKEMBANGAN HUBUNGAN BILATERAL FILIPINA-MALAYSIA
1957-2010**

**THE DEVELOPMENT OF PHILIPPINES-MALAYSIA
BILATERAL RELATIONS, 1957-2010**

**Rammani Karupiah
Danny Wong Tze-Ken**

Abstrak

Artikel ini menganalisis hubungan Filipina-Malaysia sejak tahun 1957 hingga 2010. Dalam tempoh tersebut, hubungan dua hala antara kedua-dua negara menjadi renggang berikutan tuntutan Filipina ke atas Sabah yang dikemukakan oleh Presiden Diosdado Macapagal secara rasmi pada tahun 1962. Sejak itu, kajian tentang hubungan Filipina-Malaysia sering dilihat dari sudut tuntutan Filipina ke atas Sabah. Kajian-kajian terdahulu hanya memberikan tumpuan ke atas isu tuntutan tersebut. Aspek-aspek lain yang turut memberikan impak terhadap hubungan bilateral tidak mendapat perhatian yang khusus. Justeru, artikel ini bertujuan untuk mengetengahkan aspek-aspek penting lain yang telah menjadi penentu dalam hala tuju hubungan bilateral kedua-dua negara. Artikel ini akan meninjau empat aspek penting. Pertama, kerjasama erat yang terjalin antara Filipina-Malaysia dalam menjamin keselamatan dan kestabilan di Laut Sulu dan perairan Borneo Utara. Hasil perkongsian maklumat serta kerjasama antara Tentera Filipina dan Angkatan Tentera Malaysia telah dapat menangani masalah lanun, penyeludupan serta jenayah merentasi sempadan. Kedua, kepentingan hubungan ekonomi dan perdagangan yang terjalin di antara kedua-dua negara dibincangkan. Perdagangan dua hala telah berkembang pesat sepanjang 53 tahun, Malaysia merupakan sumber pelaburan asing yang penting bagi Filipina. Ketiga, Kerjasama dua hala dalam perniagaan dan perhubungan serta pengangkutan. Keempat, Filipina telah menjadi sumber bekalan buruh yang penting bagi menampung kekurangan tenaga kerja di Malaysia, khususnya di Sabah. Kerajaan Filipina amat bergantung kepada kiriman wang pekerjaanya dari luar negara bagi meningkatkan pendapatan dan menangani masalah ekonominya.

Kata kunci: Bilateral, Malaysia, Filipina, ASEAN, Politik

Abstract

This article analyzes Philippines-Malaysia relations from 1957 to 2010. During that period, bilateral relations between both countries became strained when President Diosdado Macapagal formally submitted the Philippines' claim on Sabah in 1962. Since then, relations between the Philippines and Malaysia have often been overshadowed by issues surrounding the claim. Existing studies have however focused only on the issue. Other aspects that influenced bilateral relations have not received specific attention. The purpose of this article is therefore to highlight some of the other important aspects that have shaped the bilateral relationship between the two countries. There are four important aspects to consider. First, the close cooperation between the Philippines -Malaysia in ensuring the safety and stability in the Sulu Sea and North Borneo waters. The result of the sharing of information and cooperation between the Philippine Army and the Malaysian Armed Forces helped to solve the problem of piracy, smuggling and cross-border crimes. Second, the importance of

trade and economic relations between the two countries. This is because bilateral trade grew exponentially during the period under study. Third, Bilateral cooperation in business and infrastructure. Fourth, cooperation in labour supply. The Philippines became an important source of labor supply to meet the shortage of labor in Malaysia, especially in Sabah. The Philippine government also often relied heavily on remittances from overseas to increase its income and alleviate its economic problems.

Keywords: Bilateral, Malaysia, Filipina, ASEAN, Politic

Pengenalan

Hubungan Filipina-Malaysia bermula sejak 31 Ogos 1957, sejurus selepas Persekutuan Tanah Melayu (PTM) mencapai kemerdekaan. Filipina merupakan antara negara terawal di rantau ini yang telah mengiktiraf status kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu apabila Carlos Garcia yang merupakan Presiden Filipina pada ketika itu telah menghantar delegasi ke upacara kemerdekaan Tanah Melayu.¹ Hubungan diplomatik antara kedua-dua negara bermula secara rasmi pada tahun 1959 apabila kerajaan Filipina membuka pejabat perwakilan diplomatik di Kuala Lumpur. Pada tahun 1963, pejabat ini telah diubah menjadi pejabat Kedutaan Filipina. Namun demikian, hubungan antara kedua-dua negara dipercayai telah bermula lebih awal iaitu sejak abad ke-16 apabila Kesultanan Melaka telah menjalin hubungan dengan kepulauan Sulu yang yang merujuk kepada peristiwa pengislaman di selatan Filipina dan akhirnya membawa kepada penubuhan Kesultanan Sulu serta Mindanao.² Jadual 1 dan 2 menunjukkan tempoh perkhidmatan Presiden Filipina dan Perdana Menteri Malaysia yang telah menerajui pemerintahan negara masing-masing dari tahun 1957-2010.

Jadual 1: Senarai Presiden di Filipina, 1946-2010

| Bil | Nama | Tempoh Perkhidmatan |
|-----|-------------------------|---------------------|
| 1 | Manuel Roxas | 1946-1948 |
| 2 | Elpidio Quirinio | 1948-1953 |
| 3 | Ramon Magsaysay | 1953-1957 |
| 4 | Carlos P. Garcia | 1957-1961 |
| 5 | Diosdado Macapagal | 1961-1965 |
| 6 | Ferdinand Marcos | 1965-1986 |
| 7 | Corazon Aquino | 1986-1992 |
| 8 | Fidel Ramos | 1992-1998 |
| 9 | Joseph Estrada | 1998-2001 |
| 10 | Gloria Macapagal Arroyo | 2001-2010 |
| 11 | Benigno Aquino III | 2010-2016 |

Jadual 2: Senarai Perdana Menteri Malaysia, 1957-2010

| Bil | Nama | Tempoh Perkhidmatan |
|-----|---------------------------|---------------------|
| 1 | Tunku Abdul Rahman | 1957-1970 |
| 2 | Tun Abdul Razak | 1970-1976 |
| 3 | Tun Hussein Onn | 1976-1981 |
| 4 | Tun Dr. Mahathir | 1981-2003 |
| 5 | Tun Abdullah Ahmad Badawi | 2003-2009 |
| 6 | Dato Seri Najib Tun Razak | 2010-2018 |

Sepanjang tempoh masa 53 tahun ini, hubungan Filipina-Malaysia diselubungi ketegangan khususnya antara tahun 1962-1970-an. Keadaan ini berpunca daripada tuntutan Filipina ke atas Sabah yang dikemukakan oleh Presiden Diosdado Macapagal pada tahun 1962. Hubungan kedua-dua negara dibelenggu oleh tuntutan tersebut. Kajian-kajian ilmiah terdahulu hanya memfokuskan isu tuntutan tersebut apabila membincangkan hubungan Filipina-Malaysia. Di sebalik suasana konflik dan ketegangan yang wujud, kerjasama erat antara kedua-dua negara tersebut dalam pelbagai bidang dapat dilihat selepas pemerintahan Presiden Ferdinand Marcos.

Justeru, artikel ini akan mengetengahkan pelbagai aspek kerjasama yang telah terjalin antara Filipina-Malaysia. Sejak tahun 1986, kerjasama menjadi dominan berbanding suasana tegang yang wujud sebelum itu akibat tuntutan Sabah. Analisis komprehensif tentang kerjasama yang telah terjalin antara Filipina dan Malaysia akan dibincangkan.

Latar Belakang Hubungan Filipina-Malaysia, 1957-2010

Seperti yang dibincangkan pada bahagian pengenalan, hubungan kedua-dua negara bermula pada tahun 1957 apabila Presiden Carlos Garcia telah mengiktiraf kemerdekaan PTM. Beliau telah menghantar delegasi rasmi untuk menghadiri upacara kemerdekaan pada 31 Ogos 1957. Selain Malaysia, Presiden Garcia dilihat turut menjalinkan hubungan erat dengan negara-negara jiran yang lain. Hasrat yang sama juga telah wujud dalam kalangan pemimpin-pemimpin PTM. Kedua-dua negara mempunyai persamaan yang ketara. Antaranya dalam menggunakan Bahasa Inggeris, menghadapi ancaman komunis, mengamalkan dasar pro-Barat dan kedua-duanya telah menandatangani perjanjian pertahanan dengan bekas penjajah masing-masing.³

Presiden Garcia menyeru negara-negara serantau bersatu untuk memerangi komunisme.⁴ Oleh itu, beliau telah menjemput Tunku Abdul Rahman (Tunku) untuk melawat Manila pada 3 Januari 1959. Tunku dilihat telah menerima jemputan tersebut dan menyatakan lawatan ini adalah untuk mengeratkan hubungan dengan penduduk Filipina. Presiden Garcia telah mencadangkan pembentukan *barangay* (kampung) yang terdiri daripada negara-negara Asia yang telah merdeka untuk menentang ancaman komunis. Beliau juga menyatakan hasratnya kepada Tunku agar dapat membentuk pertubuhan serantau. Semasa sidang akhbar bersama, Presiden Garcia dan Tunku memaklumkan bahawa satu-satunya cara menghalang penyebaran ideologi komunis adalah dengan meningkatkan taraf hidup dan memelihara kesejahteraan rakyat. Kedua-dua pemimpin menjemput negara-negara serantau menerima idea dan cadangan mereka untuk membentuk pertubuhan serantau demi kepentingan dan keselamatan bersama.⁵ Inisiatif ini telah membawa kepada pembentukan Persatuan Asia Tenggara (ASA) pada

bulan Julai 1961. Presiden Garcia juga menawarkan lima biasiswa kepada pelajar dari PTM untuk melanjutkan pelajaran di Universiti Filipina.⁶

Diosdado Macapagal menggantikan Presiden Garcia pada bulan November 1961 dan memerintah Filipina sehingga tahun 1965. Macapagal menyatakan komitmennya kepada ASA dan berharap ASA akan mengeratkan persahabatan dengan negara anggota demi kepentingan bersama.⁷ Pada mulanya, hubungan Macapagal dengan PTM adalah mesra. Namun begitu, apabila Tunku mencadangkan pembentukan Persekutuan Malaysia pada bulan Mei 1961, hubungan Filipina dengan PTM melalui era yang mencabar ekoran isu tuntutan Filipina ke atas Sabah.

Ferdinand Marcos menggantikan Macapagal sebagai Presiden pada 30 Disember 1965 setelah memenangi pilihanraya. Beliau telah memulihkan hubungan diplomatik dengan Malaysia meskipun isu tuntutan Filipina ke atas Sabah tetap membelenggu hubungan dua hala sepanjang pemerintahannya. Keadaan dikeruhkan lagi dengan Peristiwa Corregidor yang berlaku di Pulau Corregidor pada 18 Mac 1968 serta tindakan Marcos yang mengiktiraf *Senate Bill No. 954 (Republic Act 5546)*. Peristiwa Corregidor dikatakan sebagai misi rahsia Marcos untuk merampas Sabah. Walau bagaimanapun, kerjasama serantau dalam pertubuhan ASEAN yang dibentuk pada tahun 1967 sedikit-sebanyak telah memulihkan keadaan tersebut. Hal ini adalah kerana Marcos mengumumkan keputusan kerajaannya untuk menggugurkan tuntutan Filipina ke atas Sabah semasa Persidangan Ketua-ketua ASEAN di Kuala Lumpur pada tahun 1977.

Ferdinand Marcos telah digulingkan dari jawatan presiden pada tahun 1986 oleh gerakan yang disebut sebagai "People Power" menandakan berakhirnya pemerintahan beliau dan Corazon Aquino menjadi presiden baharu Filipina. Presiden Corazon Aquino telah membuat pernyataan rasmi tentang hasratnya untuk menyelesaikan tuntutan Filipina ke atas Sabah secepat mungkin.⁸ Semasa pemerintahannya, wujud kerjasama erat antara kerajaan Filipina dan Malaysia untuk menyelesaikan pemberontakan masyarakat Islam di selatan Mindanao. Beliau telah meminta bantuan Malaysia dan OIC agar dapat memulakan rundingan damai dalam menyelesaikan konflik yang melanda Filipina Selatan.⁹ Tindakan dan keikhlasan Aquino dalam usahanya dalam menjalin hubungan dua hala yang lebih baik dengan Malaysia telah memberikan impak yang positif berbanding suasana hubungan yang tidak menentu ketika pemerintahan Marcos.

Fidel Valdez Ramos menggantikan Corazon Aquino sebagai Presiden ke-12 Filipina dan tempoh pemerintahannya adalah dari 30 Jun 1992 hingga 30 Jun 1998. Ketika Fidel Ramos mengambil alih pucuk pimpinan, beliau telah memulakan dasar hubungan luar yang baharu menerusi diplomasi ekonomi demi menangani masalah ekonomi yang dihadapi oleh negaranya.¹⁰ Usaha ini dilakukan dengan mengadakan siri lawatan, misi perdagangan dan pelaburan untuk meningkatkan keyakinan negara-negara jiran untuk meningkatkan pelaburan serta menarik lebih ramai pelancong ke Filipina.¹¹ Ramos melihat kestabilan Filipina dan hubungan baik dengan jirannya sebagai syarat yang diperlukan untuk membangun dan memulihkan ekonomi negara itu. Beliau telah mengadakan lawatan pertama ke Malaysia dari 27-30 Januari 1993. Malaysia merupakan negara kedua yang dilawatinya selepas menjadi Presiden Filipina. Penganalisis politik menyifatkan lawatan Ramos ke Malaysia adalah bertujuan untuk memulihkan hubungan dua hala antara Malaysia dan Filipina yang sebelum ini dibelenggu oleh tuntutan Filipina ke atas Sabah khususnya dalam era pentadbiran Macapagal dan Marcos.

Presiden Ramos juga telah mengambil keputusan untuk membelakangkan isu Sabah dengan mengutamakan hubungan ekonomi dan kerjasama dalam bidang lain.¹² Tindakan ini mendapat sokongan daripada Perdana Menteri Malaysia, Dr Mahathir

Mohamad. Hasil lawatan ini, Kerajaan Filipina memperoleh pelaburan bernilai sekurang-kurangnya 1.3 bilion daripada Malaysia.¹³ Hasil lawatan ini juga akhirnya membawa kepada pembentukan Suruhanjaya Bersama bagi Kerjasama Dua Hala (JCM) pada bulan Julai 1993. Situasi ini telah menunjukkan bahawa pemerintahan Corazon Aquino dan Fidel Ramos telah berjaya membuka lembaran baru hubungan bilateral.¹⁴

Joseph "Erap" Ejercito Estrada telah menjadi Presiden ke-13 Filipina dari tahun 1998 hingga 2001. Hubungan Filipina-Malaysia terjejas kerana Presiden Estrada mengkritik pemenjaraan Anwar Ibrahim, Timbalan Perdana Menteri Malaysia pada tahun 1998. Situasi ini telah menyebabkan pemimpin-pemimpin di Malaysia mengutuk tindakan Estrada kerana dilihat telah masuk campur dalam hal ehwal politik Malaysia.¹⁵ Masalah ini menyebabkan tunjuk perasaan diadakan di hadapan Kedutaan Filipina. Estrada telah menghadiri Mesyuarat Pemimpin APEC yang diadakan di Kuala Lumpur pada 18-19 November 1998 dan kebetulan perbicaraan Anwar Ibrahim diadakan ketika itu.¹⁶ Akhbar-akhbar di Manila menerbitkan artikel yang mengatakan bahawa protes anti-Estrada dijangka akan diadakan di Kuala Lumpur semasa lawatannya. Malah ada juga media yang mendakwa Presiden Estrada merancang untuk melawat rakannya, Anwar Ibrahim di penjara.¹⁷ Masalah ini menjadi lebih rumit apabila Dr. Wan Azizah, isteri Anwar Ibrahim, membuat permintaan kepada Setiausaha Luar Filipina Domingo Siazan untuk mengadakan pertemuan dengan Presiden Estrada semasa lawatannya.¹⁸ Estrada telah mengadakan pertemuan peribadi dengan Dr. Wan Azizah dan anaknya, Nurul Izzah.¹⁹ Hal ini telah mengeruhkan lagi suasana hubungan antara Malaysia dan Filipina pada ketika itu.

Estrada telah dituduh melakukan rasuah dan Dewan Senat Filipina telah memulakan perbicaraan "*impeachment*". Estrada digulingkan oleh Naib Presiden Gloria Macapagal-Arroyo pada 20 Januari 2001. Macapagal-Arroyo telah memerintah Filipina sehingga tahun 2010. Beliau telah mengadakan dua lawatan rasmi ke Malaysia pada 7-9 Ogos 2001 dan 7 Mei 2002.²⁰ Semasa pemerintahan Macapagal-Arroyo, hubungan antara Filipina dan Malaysia dapat dipulihkan walaupun isu Sabah belum ada jalan penyelesaian. Semasa lawatan Macapagal-Arroyo ke Malaysia, beliau mengadakan pertemuan dengan Dr. Mahathir Mohamad untuk memohon bantuan dari Malaysia untuk menjadi orang tengah dalam rundingan damai dengan kumpulan pemisah Moro Islamic Liberation Front (MILF).²¹ Usaha ini diteruskan dalam pentadbiran Perdana Menteri Malaysia yang ke-5, Abdullah Ahmad Badawi. Macapagal-Arroyo berterima kasih kepada pemimpin Malaysia kerana menyokong proses perdamaian.²² Ringkasnya, hubungan antara Filipina dan Malaysia telah dipulihkan dalam era ini.

Sorotan Literatur

Hubungan Filipina-Malaysia telah mendapat perhatian pengkaji sejarah dan sains politik selama ini. Namun demikian tiada sebarang kajian yang telah meneliti hubungan Filipina-Malaysia bagi tempoh yang panjang seperti dalam artikel ini yang meliputi tempoh 53 tahun (1957-2010). Artikel H.B. Jacobini's bertajuk "*Fundamentals of Philippine Policy towards Malaysia*", umpamanya memberikan penerangan menyeluruh tentang hubungan Filipina-Malaysia, namun demikian perbincangan itu tidak melampaui tahun 1964. Malah perbincangan sangat terjurus kepada isu tuntutan Filipina ke atas Sabah. Pengaruh aspek keselamatan, perdagangan dan ekonomi dalam mempengaruhi hubungan dua hala tidak diketengahkan. Karya Lela G. Noble's bertajuk "*Ethnicity and Philippine-Malaysian Relations*"

membincangkan hubungan Filipina-Malaysia dari sudut pandangan sejarah serta menjelaskan asal usul hubungan. Sungguhpun perbincangan Noble tidak hanya tertumpu kepada isu tuntutan Sabah malah telah memberikan penerangan tentang pengaruh pembentukan ASEAN serta isu pemberontakan masyarakat Islam di Selatan terhadap hubungan dua hala, namun perbincangan hanya sampai tahun 1975. Rata-rata perbincangan dalam kajian-kajian terdahulu tertumpu kepada isu Sabah serta tempoh kajian adalah pendek. Malah aspek-aspek yang lain seperti pengaruh isu pemberontakan masyarakat Islam terhadap hubungan dua hala maupun kerjasama dalam aspek keselamatan, ekonomi dan perdagangan terpinggir .

Kerjasama Bilateral Filipina-Malaysia

Sejak bermulanya hubungan diplomatik rasmi pada tahun 1959, Filipina dan Malaysia telah menjalinkan kerjasama erat dalam pelbagai bentuk perhubungan meliputi aspek ekonomi, politik dan sosial. Namun begitu, isu tuntutan Filipina ke atas Sabah dilihat lebih dominan dan mendapat perhatian dalam pentas politik antarabangsa. Timbulnya persoalan adakah terdapat aspek lain berkaitan hubungan antara Filipina dan Malaysia kurang diketengahkan selama ini ?. Sememangnya kerjasama bilateral antara kedua-dua negara ini merupakan antara aspek penting dalam hubungan diplomatik kedua-dua negara yang harus diketengahkan kepada semua pihak. Oleh itu, bahagian ini memberikan analisis komprehensif mengenai pelbagai kerjasama dua hala yang telah terjalin dari tahun 1957-2010. Pertama, kerjasama dalam menjamin keselamatan dan kestabilan di Laut Sulu. Kedua, membincangkan dan menganalisis kepentingan kerjasama ekonomi terutamanya dalam perdagangan, pelaburan dan perbankan. Ketiga, kerjasama dalam perniagaan dan perhubungan serta pengangkutan. Keempat, kerjasama dalam sumber tenaga buruh.

Kerjasama Dalam Keselamatan dan Kestabilan di Laut Sulu

Filipina dan Malaysia berkongsi sempadan perairan di Laut Sulu. Aspek keselamatan merupakan masalah utama di Laut Sulu dan perairan Borneo Utara. Sehingga ke hari ini, Filipina dan Malaysia menjalin kerjasama erat untuk menangani ancaman keselamatan di rantau ini.²³ Antara masalah keselamatan utama yang ditangani adalah penyeludupan, ancaman lanun, kemasukan pendatang tanpa izin dan serangan oleh kumpulan bersenjata. Perairan di sepanjang Sabah adalah kawasan yang sukar untuk dilindungi. Ini kerana, sempadan maritim antara Sabah dan Filipina terpisah dengan jarak lima kilometer dan dikelilingi oleh ribuan pulau termasuk beberapa pulau yang tidak didiami.²⁴

Borneo Utara dan kawasan sekitar terutamanya Laut Sulu terdedah kepada masalah lanun dan penyeludupan semenjak pemerintahan British. Hal ini dilaporkan dalam minit mesyuarat *Joint Defence Advisory Committee for Borneo* (Jawatankuasa Penasihat Pertahanan Bersama Borneo) bertarikh 29 Disember 1961 menyebut bahawa ancaman lanun adalah masalah besar di Laut Sulu.²⁵ Pihak berkuasa Borneo Utara dan kerajaan Filipina terpaksa menangani masalah ini sejak awal lagi. Laporan oleh *Commander in Chief of the Far East Station* (Ketua Komander Stesen di Timur Jauh) menyatakan bahawa lanun beroperasi dari Kepulauan Sulu, Kepulauan Sibutu dan Tawi di Selatan Filipina sejak bertahun-tahun. Kumpulan lanun ini beroperasi di timur laut Borneo dan memintas peniaga-peniaga yang berlayar dari Selatan dan Timur.²⁶ Serangan lanun berlaku di laut dalam dan kebanyakan lanun ialah beretnik Suluk yang

berasal dari selatan Filipina. Sasaran mereka ialah kapal-kapal yang membawa barang perdagangan barter dalam perjalanan ke Tawau di Borneo Utara. Kumpulan lanun ini sering melakukan serangan menggunakan senjata api dan bom buatan sendiri.²⁷ Pelbagai langkah diambil oleh pedagang-pedagang dengan bantuan kerajaan Borneo untuk melindungi nyawa dan barang dagangan yang bernilai.

Demi mengatasi ancaman ini, kapal-kapal dagang digalakkan untuk berlayar secara berkumpulan, menggunakan taktik mengelak, dan mengambil langkah perlindungan seperti menggunakan kapal kalis peluru. Malah ada juga sesetengah peniaga yang memohon bantuan senjata daripada kerajaan Borneo Utara bagi menangkis serangan.²⁸ Bilangan kes lanun meningkat pada awal 1960-an. Pada tahun 1959, terdapat 52 kes dilaporkan dan manakala 42 kes dilaporkan pada tahun 1960. Pada tahun 1962, jumlah kes meningkat kepada 95 kes. Selain itu, dalam tahun yang sama, seramai 8 orang terbunuh, 40 orang mengalami kecederaan, 3 orang hilang dan seorang telah diculik.²⁹ Pada bulan April tahun 2000 seramai 21 pelancong asing dan pekerja resort telah diculik oleh kumpulan Abu Sayyaf.³⁰

Berikutan masalah lanun, rondaan dilakukan kerap kali oleh pihak berkuasa Borneo Utara bersama-sama dengan Angkatan Laut Filipina untuk mengekang kegiatan lanun di Tawau dan Lahad Datu. Polis Borneo Utara di Tawau menjalin hubungan rapat dengan pihak berkuasa Filipina yang berpusat di Pulau Batu-Batu di selatan Filipina dengan bantuan Tentera Laut Filipina yang mempunyai enam kapal ronda. Rondaan oleh Tentera Udara Diraja dan Tentera Laut Diraja juga dijalankan untuk mengekang penyeludupan.³¹ Di samping itu, Pegawai Daerah Polis Tawau juga meminta Kapten Angkatan Tentera Laut Filipina untuk berkongsi maklumat mengenai serbuan lanun. Pada 12 April 1961, pegawai-pegawai Angkatan Tentera Laut Filipina telah melawat daerah Tawau untuk berkongsi maklumat dengan pihak berkuasa tempatan dalam usaha mengawal aktiviti lanun. Kerajaan Borneo Utara terpaksa membelanja satu setengah juta dolar tempatan (Malaya) untuk membiayai kos tambahan Polis Borneo Utara. Kesemua usaha ini membawa kejayaan dengan penangkapan lanun dan lebih daripada 27 orang dijatuhi hukuman penjara sehingga 12 tahun.³²

Selepas pembentukan Malaysia pada tahun 1963, usaha untuk menghalang ancaman lanun dan penyeludupan di Borneo Utara dan Laut Sulu diteruskan oleh Filipina dan Malaysia. Pada 1 September 1967, Perjanjian Kerjasama Anti-Penyeludupan telah ditandatangani oleh Tun Abdul Razak dan Narciso Ramos (Setiausaha Luar Negeri Filipina). Perjanjian ini ditandatangani sebaik sahaja Presiden Marcos memulihkan hubungan diplomatik yang tergantung semasa pentadbiran Presiden Macapagal. Perjanjian itu bertujuan untuk mengawal aktiviti perdagangan antara Sabah dan Filipina.³³ Tindakan Marcos untuk memulihkan hubungan dengan Malaysia juga dilihat didorong dengan keinginan untuk memujuk Malaysia menandatangani perjanjian anti penyeludupan. Perjanjian anti penyeludupan itu menetapkan kapal Filipina hanya dibenarkan memasuki pelabuhan Sabah jika mereka mempunyai pendaftaran kapal, surat pelepasan pelabuhan dari Kerajaan Filipina dan dokumen lain yang diperlukan oleh Kerajaan Malaysia. Syarat sama dikenakan untuk kapal milik Malaysia yang memasuki pelabuhan Filipina.³⁴ Apabila perjanjian tersebut ditandatangani, Tun Abdul Razak menyifatkan perjanjian ini sebagai langkah pertama ke arah hubungan dua hala dan kerjasama yang lebih bermakna di antara kedua-dua negara dalam usaha menghapuskan kegiatan penyeludupan.³⁵ Kerajaan Filipina menanggung kerugian besar akibat aktiviti penyeludupan yang berlaku tanpa kawalan di perairan Sulu ketika itu. Justeru itu, isu menangani masalah penyeludupan menjadi agenda utama Marcos. Menurut Marcos, pemulihan hubungan diplomatik membolehkan kerjasama dua hala untuk meminimumkan aktiviti penyeludupan

barang yang amat besar nilainya.³⁶

Di pihak Kerajaan Malaysia pula, perjanjian anti penyeludupan ini membawa beberapa kesan negatif seperti mengancam perdagangan barter di perairan Sabah. Kerajaan Malaysia terpaksa menerima tanggungjawab bersama untuk memantau perairan sekitar. Hakikatnya, selepas menandatangani perjanjian ini lebih ramai pegawai Filipina bebas berada di Malaysia terutamanya di perairan Sabah. Namun demikian, Malaysia bersedia untuk menerima perjanjian anti penyeludupan sebagai satu cara untuk membuktikan kepada dunia bahawa Malaysia bersedia untuk bekerjasama demi keamanan bersama. Walau bagaimanapun, ramai penganalisis berpendapat bahawa Kerajaan Malaysia berharap perjanjian anti penyeludupan akan mendorong Kerajaan Filipina untuk menggugurkan tuntutan ke atas Sabah. Perjanjian ini dalam erti kata yang lain jelas membuktikan bahawa kerjasama dan keselamatan bersama lebih diutamakan berbanding ketegangan yang berpunca daripada tuntutan ke atas Sabah.³⁷

Sungguhpun begitu, perjanjian ini diberhentikan sementara oleh Kerajaan Malaysia pada tahun 1968 disebabkan oleh Peristiwa Corregidor dan Undang-Undang Senat Filipina 954. Kemudiannya, dikuatkuaskan semula apabila hubungan diplomatik dipulihkan dan berkuat kuasa sepenuhnya sejak pentadbiran Corazon Aquino. Pada tahun 1995, iaitu ketika pentadbiran Presiden Fidel Ramos, Perjanjian Anti-Penyeludupan 1967 telah dipinda dan diperkasakan menjadi Perjanjian Protokol Kedua Kerjasama Anti-Penyeludupan pada 29 Mac 1995.³⁸ Pelaksanaan Pas Merentasi Sempadan di sempadan Filipina-Malaysia telah dilaksana bermula pada 29 Mei 1996. Stesen perlintasan sempadan ditubuhkan di Bongao dan Setangai di Filipina Selatan manakala Tawau, Kudat, Sandakan dan Labuan adalah stesen merentasi sempadan di Sabah. Pelaksanaan pas masuk dan pembinaan stesen melintasi sempadan bertujuan untuk melancarkan aliran keluar masuk penduduk dan barang dari kedua-dua buah negara.³⁹

Selepas itu, kerjasama keselamatan dikukuhkan lagi apabila Presiden Fidel Ramos dan Perdana Menteri Malaysia keempat, Mahathir Mohammad menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) pada 22 Julai 1993. Hasilnya, penubuhan *Joint Commission for Bilateral Cooperation* (JCM) atau Suruhanjaya Bersama Kerjasama Dua Hala telah ditubuhkan.⁴⁰ JCM menjadi sebuah mekanisme penting dalam memupuk dialog dan perundingan demi melaksanakan kerjasama dalam pelbagai bidang.⁴¹ Di bawah JCM, Memorandum Persefahaman (MOU) Kerjasama Pertahanan ditandatangani pada 26 September 1994. Usaha ini menyebabkan kerjasama keselamatan yang lebih erat dapat dipupuk dengan perkongsian maklumat, latihan bersama dan perkongsian kemudahan.⁴²

Salah satu hasil usaha tersebut adalah penubuhan *Malaysian-Philippine Military Cooperation Working Group* (MALPHI). MALPHI merupakan latihan bersama yang dijalankan oleh Angkatan Bersenjata Diraja Malaysia dan Angkatan Bersenjata Filipina yang diadakan setiap dua tahun sekali.⁴³ Menurut Ketua Angkatan Tentera Malaysia Tan Sri Dato Sri Abdul Aziz bin Hj Zainal, MALPHI bukan sahaja memperkuat persahabatan dan kerjasama antara Filipina tetapi turut menggiatkan perkongsian maklumat, kepakaran dan risikan menangani keganasan di kedua-dua negara. Usaha-usaha ini merupakan langkah penting ke arah mengukuhkan keselamatan bersama.⁴⁴

Pada bulan April 2000, Kumpulan Abu Sayyaf (ASG) telah menyerang dan menculik pelancong di sebuah pusat peranginan di Pulau Sipadan, Sabah. Sejak kejadian itu, lebih banyak usaha telah dilakukan oleh kedua-dua negara untuk melindungi sempadan bersama.⁴⁵ MILF dan ASG juga terlibat dalam serangan maritim lain di Laut Sulu termasuk pengeboman *Super Ferry 14* pada Februari 2004 di mana

lebih daripada 100 orang terkorban.⁴⁶ Tentera Laut Diraja Malaysia dan Tentera Udara Diraja Malaysia telah bekerjasama dengan *Philippine Naval Forces WesternMindanao* (NAVFORWEM) untuk membendung jenayah merentasi sempadan dan ancaman lanun. *The Border Control Committee Group (BPCG)* dan *Coordinated Maritime* ditubuhkan untuk membuat rondaan yang lebih berkesan bagi melindungi sempadan bersama. Di samping itu, perkongsian maklumat amat penting kerana lanun, pengganas dan penjenayah mempunyai bot dan peralatan komunikasi yang canggih. Misalnya, bot dan kapal mereka dilengkapi dengan pelancar roket, senapang AK47 dan M16.⁴⁷

Pertukaran maklumat perisikan dalam usaha menangani pengganas merupakan agenda terpenting dalam kerjasama keselamatan antara Filipina-Malaysia. Disebabkan oleh masalah pemberontakan masyarakat Islam di selatan Filipina yang telah berlanjutan sejak beberapa dekad, selatan Filipina telah menjadi sarang rangkaian pengganas tempatan seperti ASG dan MILF mempunyai hubungan dengan rangkaian pengganas global seperti Al Qaeda dan Jemaah Islamiyah. Selepas peristiwa 11 September 2001, usaha antarabangsa wujud untuk Memerangi Keganasan Global (*Global War On Terrorism*). Kumpulan pengganas di rantau ini disahkan mempunyai hubungan dengan Al Qaeda.⁴⁸ Selatan Filipina menjadi lokasi pasar gelap senjata haram kerana kumpulan pengganas dan kumpulan pemisah memerlukan senjata moden.⁴⁹ Keselamatan Malaysia turut terancam kerana kedudukan Sabah yang berdekatan dengan selatan Filipina.

Sejak tahun 2001, kerajaan Malaysia telah memantau sel pengganas di negara ini. Beberapa pengganas Malaysia telah memilih selatan Filipina sebagai tempat bersembunyi. Antaranya ialah Zulkifli Abdul Musa Hir, atau dikenali sebagai Marwan yang merupakan seorang pemimpin Kesatuan Mujahidin Malaysia dan ahli jawatankuasa pusat Jemaah Islamiah. Dia dipercayai telah terlibat dalam serangan keganasan di Ambon, Indonesia pada tahun 2000 hingga 2001. Marwan melarikan diri ke Mindanao apabila pihak berkuasa Indonesia dan Malaysia berusaha untuk menangkapnya dan sering berpindah dari satu tempat ke tempat yang lain. Dia dibantu oleh rangkaian pengganas seperti Kumpulan Abu Sayyaf (ASG) dan MILF serta beberapa orang perseorangan di selatan Filipina.⁵⁰

Marwan dipercayai berada di Pikit Cotabato dan Datu Sampuan.⁵¹ Antara mereka yang membantunya ialah Abdul Basit Usman dari kumpulan ASG. Usman dan Marwan terlibat dalam tiga kes pengeboman di Mindanao pada bulan Oktober 2006. Sejak tahun 2007, Marwan disenaraikan sebagai individu yang paling dikehendaki oleh Kerajaan Amerika Syarikat dengan tawaran ganjaran USD\$5 juta bagi sesiapa yang dapat memberikan maklumat tentangnya. Marwan akhirnya terbunuh dalam pertempuran dengan tentera Filipina pada 25 Januari 2015 di Mamasapano, Maguindanao. Dalam pertempuran tersebut, 44 Pasukan Khas Filipina dan beberapa militan dari Pasukan Pembebasan Kebangsaan Moro (MNLF) dan Bangsamoro Islamic Freedom Fighters (BIFF) juga telah terbunuh.⁵² Mohd Rafi Udin merupakan seorang lagi pengganas yang berasal dari Malaysia dan merupakan rakan Marwan. Dia juga terlibat dalam serangan keganasan di Indonesia dan Malaysia. Dia telah menggesa jihadis di Asia Tenggara untuk bergabung dengan kumpulan pemberontak di Filipina Selatan.⁵³


Satu lagi kerjasama Filipina dan Malaysia untuk menangani keganasan ialah dalam mengadakan Memorandum Persefahaman (MOU) antara Majlis Pencegahan Pengubahan Wang Haram Filipina dan Bank Negara Malaysia yang ditandatangani pada 8 Ogos 2004.⁵⁴ Hasilnya, pertukaran maklumat perisikan berkaitan kewangan, pengubahan wang haram dan pembiayaan kegiatan jenayah keganasan dapat dilaksanakan. Perjanjian ini merupakan usaha yang baik dalam mencegah kegiatan keganasan dengan memutuskan sumber kewangan sel-sel pengganas di rantau ini.⁵⁵

Ringkasnya, banyak agensi Malaysia dan Filipina sama-sama terlibat dalam usaha mempertahankan keselamatan perairan di Laut Sulu dan Borneo Utara.

Kerjasama Dalam Ekonomi dan Perdagangan

Filipina dan Malaysia telah menjalin kerjasama erat dalam bidang ekonomi dan perdagangan dari tahun 1957 sehingga tahun 2010. Perdagangan merupakan faktor pendorong penting dalam hubungan dua hala antara kedua-dua negara. Sungguhpun hubungan diplomatik digantung dua kali berpunca daripada isu tuntutan Sabah, namun terbukti bahawa perdagangan dua hala tetap menunjukkan peningkatan dan kegiatan ekonomi serta perdagangan merupakan penggerak penting dalam hubungan Filipina-Malaysia. Perdagangan antara Filipina dan Borneo Utara telah terjalin sejak zaman Kesultanan Sulu lagi apabila kawasan ini menjadi pusat perdagangan yang penting. Menjelang tahun 1768, rangkaian perdagangan Kesultanan Sulu meliputi Mindanao dan Pahlawan di selatan ke pantai utara Borneo serta ke selatan Laut Celebes.

Gambar 1: Zon Perdagangan Sulu



Sumber: James Francis Warren, "The Sulu Zone: Commerce and Evolution of a Multi-ethnic Polity, 1768-1898", hlm. 225.

Perdagangan barter di antara Sulu dan Labuan di Borneo Utara dari kurun ke-18 sehingga awal kurun ke-20 dilihat sangat pesat dan berkembang luas. Ini kerana, Labuan merupakan pelabuhan bebas dan situasi ini mewujudkan banyak firma Cina di Sandakan, Sabah yang menawarkan harga tinggi untuk kopra dari Filipina. Ini telah menyebabkan ramai peniaga barter Filipina berdagang di Labuan dan Sandakan.⁵⁶ Mereka menggunakan kapal kargo kecil yang juga dikenali sebagai kumpit untuk membawa hasil seperti kopra, buah pala dan rempah dari Filipina ke pantai timur

Borneo Utara khususnya ke Sandakan, Lahad Datu dan Tawau. Sebagai barang pertukaran, mereka menerima rokok, tekstil, pakaian dan barang tempatan yang lain.⁵⁷ Laporan Bulanan perdagangan barter oleh Pesuruhjaya Perdagangan Borneo Utara menyatakan bahawa perdagangan barter di Tawau, Lahad Datu dan Labuan mencatatkan nilai yang tinggi kerana terdapat sumber bekalan barang dari Filipina sebagaimana yang ditunjukkan dalam jadual berikut.


Jadual 3: Perdagangan Kopra di Borneo Utara

| Tahun | Export (tan) | Import (tan) |
|-------|--------------|--------------|
| 1959 | 53,338 | - |
| 1960 | 72,654 | 55,540 |
| 1961 | 59,500 | 45,039 |

Sumber: Diubahsuai daripada laporan Sir W. Goods kepada Setiausaha Negara untuk koloni pada 9 Jun 1961, CO 1030/1285.⁵⁸

Sungguhpun wujud ketegangan hubungan disebabkan oleh tuntutan Filipina ke atas Sabah antara tahun 1964-1969, namun situasi ini langsung tidak menjelaskan aktiviti perdagangan seperti yang ditunjukkan dalam jadual 4. Malah perdagangan dua hala meningkat dengan pesat. Ini jelas menunjukkan bahawa kerjasama ekonomi tidak terjejas akibat tuntutan Sabah. Perdagangan dua hala pada tempoh tersebut lebih menguntungkan Malaysia kerana import Filipina dari Malaysia melebihi jumlah eksport.


Jadual 4: Perdagangan Filipina-Malaysia, 1964-1969 dalam USD



Sumber: Diubahsuai daripada *Foreign Trade Statistics of Philippine 1960-1969*, Department of Commerce and Industry, Bureau of the Census and Statistics.⁵⁹

Perdagangan dua hala terus meningkat pada tahun 1970-an. Jumlah perdagangan pada tahun 1970 adalah berjumlah USD\$160,125,279.⁶⁰ Import Filipina dari Malaysia adalah melebihi eksport. Trend ini berterusan pada tahun 1970-an sebagaimana yang ditunjukkan dalam jadual 5.

Jadual 5: Perdagangan Filipina-Malaysia, 1970-1980 Dalam USD



Sumber: Diubahsuai daripada *Foreign Trade Statistics of Philippine 1970-1980, Department of Commerce and Industry, Bureau of the Census and Statistics.*⁶¹

Import Filipina dari Malaysia antara tahun 1970 hingga 1980 adalah terdiri daripada produk getah, minyak sawit mentah dan minyak isirong sawit.⁶² Selain itu getah asli, getah keping, pelekat berasaskan getah dan tayar turut diimport. Import minyak mentah dari Sarawak juga agak ketara.⁶³ Pada tahun 1974 dan 1975, jumlah import Malaysia ke Filipina berjumlah 793,187,872 tan metrik dan bernilai kira-kira USD\$70,030,915. Manakala komoditi yang banyak menyumbang kepada eksport Filipina ke Malaysia ialah minuman beralkohol seperti bir, arak dan arak malt. Produk berasaskan makanan dan buah-buahan seperti mangga, jus buah-buahan, sosej, yis penaik juga dieksport. Cerut dan rokok adalah antara produk lain yang dieksport ke Malaysia⁶⁴.

Selepas Presiden Corazon Aquino mengambil alih kerajaan Filipina, beliau dilihat telah meningkatkan hubungan ekonomi dengan Malaysia. Ketika itu, hutang Filipina adalah sebanyak USD26 billion dan Corazon memerlukan pelaburan langsung dari negara luar untuk membayar hutang negaranya. Demi mencapai hasratnya, banyak usaha telah dibuat untuk meningkatkan pelaburan asing.⁶⁵ Malaysia merupakan salah satu negara sasaran Aquino untuk tujuan yang dinyatakan.⁶⁶ Aquino berusaha meningkatkan perdagangan dengan Sabah dan mengadakan perbincangan dengan Jeffrey Kitingan, Pengarah Yayasan Sabah. Pulau Pahlawan di Filipina Selatan dan Sabah adalah antara kawasan yang disasarkan untuk meluaskan perdagangan antara kedua-dua negara.⁶⁷

Perdagangan antara Filipina dan Malaysia meningkat secara pesat dalam antara tahun 1990 hingga 2000. Jumlah profit dagangan meningkat daripada USD 3.91 bilion (1980-1990) kepada USD13.49 bilion menjelang tahun 2000. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak USD9.17 bilion.⁶⁸ Selain itu, import juga turut meningkat daripada USD2.46 bilion (1980-1990) kepada USD6.25 bilion (1991-2000) iaitu peningkatan sebanyak USD3.78 bilion. Eksport ke Malaysia juga meningkat kepada USD7.10 bilion antara tahun 1990-2000, iaitu peningkatan ketara sebanyak USD6.83 bilion.⁶⁹ Pada tahun 1998, Malaysia merupakan rakan dagang kedua terbesar bagi Filipina dalam kalangan negara anggota ASEAN.⁷⁰

Hubungan perdagangan terus mendadak dari tahun 2000-2010. Eksport utama Filipina ke Malaysia pada tahun 2000 adalah peranti semikonduktor yang mencapai jualan sebanyak USD952.83 juta atau 69.19% daripada jumlah keseluruhan eksport Malaysia. Antara eksport lain ialah litar bersepada dan *microchip*, jentera elektronik siap, mesin dan aksesori jentera. Minyak kelapa mentah juga merupakan eksport utama Filipina ke Malaysia.⁷¹


Majlis Perniagaan Filipina-Malaysia (MPBC) ditubuhkan semasa pentadbiran Fidel Ramos dan memainkan peranan penting dalam mempromosikan perdagangan dua hala. Pada tahun 2003, Malaysia menjadi negara kedua tertinggi dalam pelaburan asing di Filipina dalam kalangan negara-negara ASEAN dengan jumlah pelaburan USD157.8 juta atau 8.4 bilion peso Filipina.⁷² Pada tahun 2009 pula, Malaysia merupakan rakan perdagangan ketiga terbesar Filipina dalam kalangan negara-negara ASEAN, mencapai 18.2%.⁷³ Selain itu, jumlah import dari Malaysia adalah berjumlah USD1,693.06 juta dan import utama Malaysia ialah produk elektronik yang bernilai USD524.85 juta yang mewakili 31% daripada jumlah import diikuti oleh bahan api, bahan berkaitan pelincir bernilai USD422.71 juta atau 25% daripada jumlah import. Produk lain termasuk plastik dalam bentuk primer dan bukan primer mewakili USD59.83 juta, kimia organik dan bukan organik bernilai USD51.33 juta dan peralatan mesin industri bernilai USD48.26 juta.⁷⁴ Peningkatan ini menyebabkan perdagangan dua hala melonjak dari tahun 2000-2010 dengan jumlah USD 40.8 berbanding dagangan dari tahun 1990-1999 berjumlah USD 11.88. Peningkatan ini menunjukkan kenaikan ketara sebanyak USD29 dalam kerangka masa tersebut. Dalam isu perdagangan,imbangan perdagangan memihak kepada Filipina pada tahun 2000 dan dari tahun 2002 hingga 2007. Manakala,imbangan perdagangan menyebelahi Malaysia pada tahun 2001 dan dalam tempoh 2008 hingga 2010.⁷⁵

Dalam meninjau arah tuju hubungan perdagangan antara Filipina dan Malaysia dalam tempoh 1957-2010, beberapa aspek penting dapat dianalisa. Pertamanya, sektor perdagangan meningkat dengan baik sepanjang tempoh tersebut. Kedua, penurunan dalam perdagangan hanya dikesan pada tahun 1972 dan 1973 disebabkan oleh kegawatan ekonomi dan masalah politik yang serius dihadapi oleh Filipina pada 1980-an. Namun begitu, perdagangan dua hala dengan Malaysia terus menunjukkan peningkatan yang ketara.

Ketiganya, kegiatan perdagangan Filipina semakin pesat dan perdagangan bilateral semakin meningkat di bawah pentadbiran Corazon Aquino dan Fidel Ramos iaitu selepas pemerintahan Ferdinand Marcos. Usaha Ramos untuk melaksanakan diplomasi ekonomi telah membolehkan Filipina mencapai imbangan perdagangan pada kali pertama dalam tahun 1998. Perkara ini merupakan kejayaan terbesar Filipina dalam aspek perdagangan kerana pada tahun yang sama, Filipina mengalami imbangan perdagangan negatif bernilai USD\$163.54 million. Walaupun begitu, imbangan perdagangan dengan Malaysia tetap menguntungkan Filipina.⁷⁶

Keempatnya, hubungan perdagangan antara Filipina-Malaysia dari tahun 1957 hingga 2010, jelas membuktikan tuntutan Filipina ke atas Sabah, masalah politik dan sosioekonomi domestik Filipina tidak memberikan impak signifikan terhadap hubungan perdagangan sebagai mana yang dipaparkan dalam Carta 3.

Jadual 6: Perdagangan Bilateral Filipina-Malaysia, 1970-2010 dalam Juta USD



Sumber : Diubah suai daripada *Foreign Trade Statistics of Philippine 1970-2010, Department of Commerce and Industry, Bureau of the Census and Statistics.*⁷⁷

Kerjasama Dua Hala Dalam Perniagaan

Perniagaan dua hala merupakan satu lagi penggerak utama dalam hubungan bilateral yang perlu diberikan diketengahkan dalam penyelidikan ini. Hal ini adalah kerana, syarikat-syarikat Filipina telah lama beroperasi di Malaysia dan syarikat-syarikat Malaysia juga turut menjalankan perniagaan di seluruh Filipina. Walaupun isu politik dan isu tuntutan ke atas Sabah menjadi isu yang hangat pada ketika itu, namun kerjasama dalam perniagaan dilihat tidak terjejas.

Misalnya, Petron⁷⁸ merupakan syarikat penapisan dan pemasaran minyak terbesar milik Filipina yang beroperasi di Malaysia.⁷⁹ Petron diasaskan pada 7 September 1933 apabila Socony Vacuum Oil Company of New York dan The Standard Oil Company of New Jersey bergabung untuk membentuk Standard Vacuum Oil Company atau Stanvac. Pada tahun 1962, perkongsian ini dinamakan semula sebagai Esso Filipina. Pada tahun 1973, Syarikat Minyak Kebangsaan Filipina (PNOC) telah membeli Esso Filipina dan Petrophil Corporation.⁸⁰ Sejak bulan Februari 1988, Petrophil dinamakan semula sebagai Petron Corporation.⁸¹

Operasi perniagaan Petron di Malaysia dapat dikesan sejak 1893 atas nama Standard Vacuum Oil Company. Sejak itu, Petron mula beroperasi di Malaysia dengan pelbagai perubahan nama disebabkan oleh proses penggabungan (merger) dan pengambilalihan (take over). Pada tahun 1893, produk Standard Vacuum Oil Company mula dijual di Semenanjung Malaysia. Pada tahun 1921, Petron membuka stesen servis pertamanya di Kuala Lumpur.⁸²

Pada tahun 1961, Esso Standard Malaya and Standard Chemicals (Malaya), diasaskan. Namanya ditukar kepada Esso Standard Chemical (Malaya) Ltd. Tahun berikutnya, Esso Standard Malaya Ltd. (ESML) diasaskan apabila operasi Standard Vacuum telah diambil alih oleh Esso Standard Malaya Ltd.(ESML). Selepas pemindahan tersebut, Esso Standard Malaya menjadi syarikat awam bernilai RM24.5 juta yang disenaraikan dalam Bursa Malaysia. Pada tahun 1967, Esso Standard Chemical (Malaya) Ltd ditukar nama kepada Esso Chemicals Malaysia Sdn Bhd.⁸³

Pada tahun 1962, pembinaan sebuah logi penapisan minyak bernama Esso

Chemical's Port Dickson Refinery (PDR) telah dimulakan.⁸⁴ Projek ini bernilai RM50 juta dan PDR memulakan operasi pertamanya pada tahun 1963. Sejak penubuhannya, PDR menyediakan bekalan minyak dan gas untuk pasaran di Semenanjung Malaysia khususnya bagi industri-industri penting dan jutaan rakyat Malaysia. PDR mempunyai kapasiti penapisan minyak mentah sebanyak 88,000 tong sehari. Menjelang Ogos 2011, Petron telah membeli 65 peratus saham dalam syarikat Exxon Mobil bernilai US610 juta. Pelaburan Petron di Malaysia mencapai USD1.2 bilion untuk menaik taraf PDR. Petron telah mengambil alih sepenuhnya 558 stesen minyak Exxon Mobil di seluruh Malaysia. Hal ini jelas menunjukkan kepentingan Petron sebagai syarikat minyak dan gas utama yang beroperasi di Malaysia.⁸⁵

Selain itu, terdapat juga kerjasama dua hala antara syarikat minyak dan gas Malaysia Petronas⁸⁶ dan Syarikat Minyak Kebangsaan Filipina (PNOC). Pada 10 Januari 2005, Kontrak Perkhidmatan Petroleum No. 47, telah ditandatangani antara PNOC dan Petronas Carigali Overseas Sdn Bhd Malaysia. Kerajaan Filipina telah memberi kontrak perkhidmatan kepada Kumpulan Petronas Malaysia bersama-sama dengan Syarikat Minyak Kebangsaan Filipina (PNOC) untuk menjalankan penerokaan minyak dan gas di Mindoro Block di luar pesisiran pantai Filipina.⁸⁷

Satu lagi syarikat milik Filipina yang beroperasi di Malaysia ialah Century Motolite Battery (CMB) yang dahulunya dikenali sebagai Century Automotive Products.⁸⁸ CMB mengilang bateri automotif dan mula beroperasi di Malaysia sejak enam dekad yang lalu iaitu pada tahun 1959 hasil usaha sama dengan beberapa rakan kongsi tempatan dan Century Battery Australia.⁸⁹ Sejak penubuhannya, Century Battery telah menjadi pelopor dalam industri bateri automotif dan merupakan jenama yang paling terkenal di Malaysia. Pada tahun 2006, CMB menjadi salah satu syarikat terbesar di bawah kategori Pengilang Peralatan Asal (OEM) di Malaysia yang mempunyai kemudahan yang canggih. CMB membekalkan bateri kepada pelbagai jenama automotif utama di Malaysia dan memenuhi keperluan bateri untuk pelbagai sektor kerajaan Malaysia.⁹⁰

Malaysia turut menjadi sumber pelaburan asing yang penting untuk Filipina. Pelaburan Malaysia di Filipina termasuk bidang pembinaan, kewangan, harta tanah, pembuatan, perlombongan, perkhidmatan swasta, perdagangan dan pengangkutan. Maybank, Resorts World Hotel dan Shangri-La Hotels merupakan antara syarikat-syarikat terkemuka dari Malaysia yang beroperasi di Filipina.⁹¹

Dalam senarai tersebut, Maybank ditubuhkan di Malaysia pada tahun 1960 dan merupakan syarikat terbesar yang tersenarai dalam Bursa Malaysia. Maybank juga dilihat sebagai syarikat terkemuka yang tersenarai dalam *Forbes Global 2000*.⁹² *Maybank Philippines Incorporated* (MPI) memulakan operasinya di Filipina pada bulan November 1997 sebagai bank komersil perkhidmatan penuh yang dilesenkan oleh Bank Negara Filipina. Pada bulan Ogos 2000, Maybank memperoleh 99.96% daripada *Maybank Philippines Incorporated* untuk menjadi bank asing pertama yang memegang pemilikan hampir 100% dalam kalangan bank perdagangan di Filipina. Maybank Filipina mempunyai 79 cawangan yang terletak di Manila, Luzon, Visayas dan Mindanao.⁹³

Manakala, Shangri-La Hotels and Resorts, yang dimiliki oleh Kuok Group, adalah merupakan konglomerat perniagaan yang berasal dari Malaysia yang mempunyai operasi di Filipina.⁹⁴ Pada Oktober 1993, Shangri-La Hotels and Resorts membuka Shangri-La's Mactan Island Resort & Spa di Cebu, diikuti oleh Traders Hotel, Manila yang dibuka pada bulan Januari 1995 dan Boracay Resort & Spa Shangri-La, Filipina dibuka pada bulan Mac 2009.⁹⁵

Semasa pemerintahan Presiden Fidel Ramos dan Dr. Mahathir Mohammad, Filipina-Malaysia mempunyai kerjasama yang erat dalam bidang pembinaan. Dalam

hal ini, beberapa syarikat Malaysia mempunyai rekod cemerlang dalam pembangunan dan penyelenggaraan projek infrastruktur seperti jalan raya dan lebuh raya di Filipina.⁹⁶ Semasa lawatan rasmi Ramos ke Malaysia pada tahun 1993, satu perjanjian telah ditandatangani antara Hume Industries of Malaysia dan Phinmax Group of Philippines. Kedua-dua syarikat tersebut terlibat dalam pengeluaran simen dan konkrit untuk industri pembinaan.⁹⁷ Pada 3 Februari 1994 Memorandum Persefahaman untuk pelaksanaan projek infrastruktur telah ditandatangani ketika lawatan Perdana Menteri Malaysia Dr. Mahathir Mohamad ke Filipina. Antara inipati MOU ini adalah pembinaan dan penyiapan Lebuh Raya Tol Manila-Cavite serta perluasan dan pemodenan jalan raya dan sistem jalan tol lain di Filipina.⁹⁸

Pada 27 Disember 1994, suatu perjanjian usaha sama pembinaan antara Pihak Berkuasa Awam Filipina (PEA) dan Majilis Amanah Rakyat (MARA) atau Renong Berhad telah ditandatangani. Usaha sama ini membawa kepada kerjasama antara PEA dan MARA / Renong Berhad untuk pembinaan Lebuh Raya Tol Manila-Cavite⁹⁹. Konglomerat Malaysia ini telah melaburkan 7 bilion peso dalam pembinaan fasa pertama projek lebuh raya Manila-Cavite pada tahun 1997.¹⁰⁰ Pada tahun 2008, kerjasama dalam pembangunan infrastruktur diteruskan apabila Syarikat United Engineers Malaysia-MARA (sebelum ini Majlis Amanah Rakyat (MARA) / Renong Berhad) melabur 5.55 bilion peso untuk pembinaan jalan raya tol yang akan mengurangkan masa perjalanan antara Manila dan Cavite. Projek ini dikenali sebagai Lebuh Raya *Manila-Cavite Expressway* (MCTEP) sepanjang 21 kilometer. Projek ini bertujuan untuk meningkatkan aliran barang dan perkhidmatan serta untuk mendorong kemajuan ekonomi di kawasan yang terlibat.¹⁰¹

Alloy MTD ACPI Engineering Berhad (MTD ACPI) ialah satu lagi syarikat Malaysia yang mempunyai rekod pencapaian cemerlang dalam pembinaan jalan di kawasan pergunungan, lebuh raya, jambatan, kawalan hakisan dan penyelenggaraan lebuh raya. Syarikat ini telah berjaya membina Lebuhraya Selatan Luzon sepanjang 36 kilometer serta terlibat dalam konsesi kutipan tol yang bermula pada tahun 2011.¹⁰² Melalui penerangan yang dinyatakan ini, ianya jelas menunjukkan bahawa perniagaan dua hala telah memberikan impak yang besar dalam hubungan bilateral malah telah memberikan manfaat bersama.

Kerjasama Dalam Tenaga Buruh

Eksport tenaga manusia merupakan penggerak penting dalam hubungan Filipina-Malaysia. Pekerja dari Filipina terutamanya dari selatan Filipina menjadi sumber tenaga buruh ke Borneo Utara sejak dari zaman pentadbiran British. Kepentingan buruh Filipina dapat dilihat dengan jelas dalam surat R.M. Hunt, pegawai di Pejabat Pesuruhjaya Tinggi British yang berpusat di Jesselton kepada W. Bentley Esquire di Kedutaan British di Kuala Lumpur bertarikh 7 Mac 1967. Beliau menyatakan tenaga buruh Filipina di Borneo Utara adalah besar, berkualiti dan mahir serta mampu memenuhi kekurangan tenaga buruh yang dialami.¹⁰³

Seawal tahun 1967, terdapat 20,000 orang rakyat Filipina yang bekerja di Sabah terutamanya di pantai timur. Daripada 20,000 pekerja tersebut, 2,000 orang ialah penduduk tetap yang menetap di Sabah sebelum pembentukan Malaysia pada 16 September 1963. Manakala, 18,000 orang lagi memegang permit kerja sementara. Majoriti pekerja yang meliputi kira-kira 6000 orang menetap di Sandakan. Kebanyakan pekerja Filipina yang memasuki Sabah berasal dari Filipina Selatan.¹⁰⁴ Permit kerja untuk pekerja Filipina dikeluarkan bagi enam bulan. Pada tahun 1995, seramai 19,000 orang Filipina dipercayai mencari pekerjaan di Sabah. Kebanyakan pekerja diberi pekerjaan oleh syarikat pembalakan dan ladang pertanian.¹⁰⁵


Sejak tahun 1970-an, keadaan ekonomi Filipina mengalami kemerosatan yang agak ketara dan hutang negara mencapai USD\$26 bilion pada tahun 1986. Antara jalan penyelesaian bagi meningkatkan pendapatan Filipina ialah dengan mengeksport tenaga buruh ke negara-negara lain. Menjelang tahun 1986, dianggarkan bilangan pekerja Filipina di luar negara adalah melebihi 800,000 orang dan jumlah aliran wang daripada mereka adalah berjumlah USD\$1.8 bilion.¹⁰⁶ Angka ini bersamaan dengan 30% daripada eksport barang dagangan Filipina. Purata jumlah aliran wang masuk dari pekerja ini ke Filipina pada tahun 2009 berjumlah 102,535 juta peso manakala pada tahun 2010, jumlah itu meningkat kepada 104,865 juta peso.¹⁰⁷ Pada tahun 2005, aliran kiriman wang oleh pekerja Filipina dari Malaysia berjumlah USD\$33,554 juta. Angka ini meningkat kepada USD\$38,013 juta pada tahun 2005.¹⁰⁸

Pada tahun 2004, jumlah aliran wang pekerja Filipina dari negara-negara Asia Tenggara dan Asia Selatan adalah berumlah 358 juta peso dengan purata penghantaran sebanyak 27,000 peso oleh setiap pekerja. Angka ini meningkat dengan ketara pada tahun 2010 kerana peratusan pekerja Filipina di kawasan Asia meliputi 9%. Daripada angka ini, 1.7% pekerja bekerja di Malaysia manakala peratusan pekerja terbesar adalah di Singapura iaitu 6%. Purata jumlah aliran wang tunai pekerja Filipina dari Asia Tenggara dan Asia Tengah berjumlah 6,750 juta peso pada tahun 2010. Manakala, purata aliran wang pekerja Filipina dari Malaysia berjumlah 1,029 juta peso¹⁰⁹ dengan purata penghantaran wang sebanyak 41,000 peso bagi setiap pekerja. Dalam hal ini, Malaysia menduduki tempat kedua dalam jumlah tertinggi kiriman wang dari rantau Asia selepas Singapura.¹¹⁰

Pada bulan Mac 1988, Jabatan Imigresen Filipina menganggarkan terdapat 83,000 pekerjanya di Malaysia yang memiliki Kad Pengenalan Pekerja Asing yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia. Sebaliknya, angka tidak rasmi dianggarkan terdapat kira-kira 636,544 orang Filipina di Malaysia. Di Sabah sahaja terdapat 70,000 orang Filipina dengan permit kerja dan pasport serta terdapat sebanyak 60,000 warga pelarian yang bekerja di Sabah. Pekerja-pekerja Filipina ini bekerja dalam industri perkhidmatan terutamanya dalam sektor perhotelan dan kebanyakan warga wanita menjadi pembantu rumah.¹¹¹ Rakyat Filipina juga diupah dalam bidang kejuruteraan dan kejururawatan. Malaysia juga mengupah pekerja Filipina yang berkemahiran tinggi dalam bidang perubatan, teknikal, pengurusan dan profesional.¹¹² Selain itu, terdapat permintaan tinggi bagi pemuzik Filipina di Malaysia.¹¹³

Pada tahun 2005, jumlah pekerja Filipina di Malaysia mewakili 2.8% daripada jumlah keseluruhan pekerja Filipina yang berada di luar negara. Malaysia menduduki tempat kedua dalam pengagihan pekerja Filipina di Asia Tenggara selepas Singapura¹¹⁴. Sejak tahun 1984, kira-kira 4,000 hingga 6,000 orang wanita Filipina telah memasuki Semenanjung Malaysia untuk bekerja sebagai pembantu rumah di Lembah Klang dan kebanyakan daripada mereka bekerja di Kuala Lumpur dan Petaling Jaya.¹¹⁵ Menjelang tahun 2013, Malaysia menduduki tempat ke-4 tertinggi meliputi 793,580 orang, daripada keseluruhan pekerja Filipina yang berada di luar negara sebagaimana yang dipaparkan dalam Gambar 2.

Gambar 2: Pekerja Filipina Mengikut Destinasi di Seluruh Dunia



Sumber: Suruhanjaya Pekerja Filipina di luar negara.¹¹⁶

Sebagaimana yang dijelaskan, eksport tenaga kerja merupakan cabang penting dalam kerjasama dua hala antara Filipina dan Malaysia. Kedatangan buruh Filipina dapat menampung kekurangan tenaga buruh di Malaysia terutamanya di Sabah. Buruh dari selatan Filipina telah memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi Sabah seawal tahun 1960-an. Pekerja Filipina menyumbang dalam industri pembalakan, pertanian, perhotelan, kejururawatan dan kejuruteraan. Malaysia menjadi pilihan destinasi popular pekerja Filipina dalam kalangan negara-negara ASEAN. Aliran wang dari pekerja Filipina di Malaysia merupakan sumber pendapatan penting bagi Filipina. Sungguhpun kemasukan buruh Filipina membantu ekonomi negeri Sabah namun situasi ini telah menimbulkan banyak konflik tertentu. Misalnya, kebanjiran buruh Filipina menyebabkan penduduk tempatan terpaksa bersaing dengan mereka untuk merebut peluang pekerjaan. Malah kesanggupan buruh Filipina menerima gaji yang rendah menyebabkan majikan lebih gemar mengambil buruh Filipina berbanding pekerja tempatan.¹¹⁷

Kesimpulan

Perbincangan ini membuktikan bahawa Filipina dan Malaysia telah menjalin kerjasama erat dalam pelbagai bidang demi manfaat bersama. Walaupun isu tuntutan Sabah dilihat merenggangkan hubungan Filipina dan Malaysia sejak pemerintahan Marcos dan Macapagal, namun tidak dapat dinafikan bahawa kerjasama erat telah memberikan pelbagai manfaat bersama. Dalam pada itu, beberapa analisa dapat dibuat berkaitan dengan kerjasama bilateral.

Pertamanya, Filipina dan Malaysia telah berkerjasama dengan jayanya untuk menjaga keamanan dan kestabilan di Laut Sulu dan perairan Borneo. Ancaman lanun, masalah penyeludupan, kemasukan pendatang tanpa izin dan serangan kumpulan bersenjata merupakan masalah utama di sempadan Filipina-Malaysia. Kedua-dua negara telah bekerjasama untuk menangani ancaman keselamatan tersebut. Usaha ini bermula sejak Perjanjian Kerjasama Anti-Penyeludupan yang ditandatangani pada 1 September 1967 sebagai langkah bersama membanteras lanun dan penyeludupan. Tentera Laut dan Tentera Udara Malaysia telah bekerjasama dengan Angkatan Tentera Filipina di Mindanao Barat (untuk membendung jenayah merentasi sempadan dan ancaman lanun. MOU Kerjasama Pertahanan memainkan peranan penting dalam

menjalin kerjasama yang erat dalam perkongsian maklumat keselamatan. Pertukaran maklumat perisikan dalam usaha mengawal aktiviti telah membolehkan pergerakan sel-sel pengganas tempatan khususnya yang mempunyai hubungan dengan Al Qaeda dan Jemaah Islamiyah dipantau bersama.

Keduanya, kerjasama perdagangan Filipina-Malaysia merupakan faktor pendorong hubungan dua hala. Hubungan perdagangan tidak terjejas sungguhpun wujud ketegangan disebabkan oleh tuntutan Sabah dan semasa penggantungan hubungan diplomatik sebanyak dua kali. Sepanjang tempoh 1957-2010, perdagangan Filipina-Malaysia terus meningkat secara ketara.

Ketiganya, perkembangan pesat juga telah berlaku dalam bidang perniagaan dua hala. Ini turut menjadi faktor yang telah mencorakkan perkembangan hubungan Filipina-Malaysia lebih dari lima dekad. Ini terbukti dengan penglibatan syarikat-syarikat Filipina seperti Petron yang beroperasi di Malaysia. Syarikat-syarikat Malaysia seperti Petronas telah menjalin kerjasama dengan Syarikat Minyak Kebangsaan Filipina (PNOOC). Beberapa syarikat Malaysia juga telah aktif dalam pembangunan dan penyelenggaraan projek infrastruktur seperti pembinaan jalan raya dan lebuh raya di Filipina.

Keempat, Malaysia bergantung kepada bekalan buruh dari Filipina untuk mengatasi kekurangan buruh yang besar di Sabah. Kerajaan Filipina pula amat bergantung kepada kiriman wang pekerja-pekerjanya yang berada di luar negara. Eksport tenaga kerja merupakan sumber pendapatan penting bagi kerajaan Filipina khususnya bagi mengatasi masalah ekonomi yang wujud disebabkan oleh hutang negara yang terlampaui tinggi.

Nota

¹ Donald Tracy Laird, “The Philippines in Southeast Asia: Transactions, Interactions and Conflict with Indonesia, Malaysia, Singapore and Thailand”, Tesis Ph.D., Ann Arbor: University of Michigan, 1975, hlm. 41.

² David Wurfel, “The Philippines”, dalam George McTurnan Kahin, ed., *Government and Politics in Southeast Asia of South East Asia*, New York: Cornell University Press, 1964, hlm. 680.

³ Grace Wong, “Malaysia-Philippine Relations 1957-1968: A Study in Conflict and Co-operation”, Disertasi M.A., Universiti Malaya, 1971, hlm. 40

⁴ Marvin Charles Ott, *The Sources and Content of Malaysian Foreign Policy toward Indonesia and the Philippines: 1957-1965*, Michigan: Xerox University Microfilms, 1976, hlm. 161.

⁵ Berita Harian, 3 Januari 1959.

⁶ New Straits Times, 9 Januari 1959.

⁷ Grace Wong, “Malaysia-Philippine Relations 1957-1968: A Study in Conflict and Co-operation”, Disertasi M.A., Universiti Malaya, 1971, hlm. 40

⁸ Jose V. Abueva dan Emerlinda R. Roman, eds., “Aquino Presidency and Administration (1986 – 1992) Contemporary Assessments and “The Judgement of History?”, dalam U.P. public lectures on the Aquino administration and the post-EDSA Government (1986-1992), Quezon City: University of the Philippines Press, 1993, hlm. 217.

⁹ Ibid.

¹⁰ Fidel V. Ramos “Winning the Future: The First 365 Days” Address at the Malacanang Ceremonial Hall, 30 Jun 1993, *Government of the Philippines Gazette*.
<http://www.officialgazette.gov.ph/1993/06/30/speech-of-president-ramos-on-his-first-365-days-of-presidency/>. Diakses pada 15 April 2017.

¹¹ Ibid.

¹² The Manila Times, 6 January 1993.

¹³ Ibid., 30 January 1998.

¹⁴ Chandran Jeshurun, *Malaysia Fifty Years of Diplomacy 1957-2007*, Kuala Lumpur: The Other Press, 2007, hlm. 233.

- ¹⁵ *The Manila Times*, 3 November 1998.
- ¹⁶ “Republic of the Philippines, Presidential Trips: The Full List”, *Official Gazette*.
<http://www.officialgazette.gov.ph/presidential-trips/the-foreign-trips-of-the-presidents/>. Diakses pada 18 Ogos 2017.
- ¹⁷ *The Manila Times*, 9 November 1998.
- ¹⁸ Ibid., 10 November 1998.
- ¹⁹ *Manila Bulletin*, 16 November 1998.
- ²⁰ Republic of the Philippines, Presidential Trips: The Full List, *Official Gazette*.
<http://www.officialgazette.gov.ph/presidential-trips/the-foreign-trips-of-the-presidents/>. Diakses pada 18 Ogos, 2017.
- ²¹ *Policy Statement, President Gloria Macapagal-Arroyo*, hlm. 2.
- ²² Ibid., hlm. 3-4.
- ²³ Ruhanas Harun, “Joint Security Improvement through Malaysia's Bilateral Cooperation with Neighboring Countries”, *Jebat*, No. 36, 2009, hlm. 16-40.
- ²⁴ Ibid.
- ²⁵ CO 1030/1285A, Extract from letter by W.G. Gathercole to Mr. Nield on 29th December 1961.
- ²⁶ CO 1030/1285A, Extract from Report titled Pirates Off Coast of North Borneo by Commander in Chief, Far East Station's Report, 20 November 1961.
- ²⁷ CO 1030/1285A, Special Branch Monthly Intelligence Report, North Borneo January 1960.
- ²⁸ Ibid.
- ²⁹ CO 1030/1285A, Commander in Chief, Far East Station's submission Report No. 1970 dated 18th November 1961.
Chandran Jeshurun, *Malaysia Fifty Years of Diplomacy 1957-2007*, Kuala Lumpur: The Other Press, 2007, hlm. 303.
- ³¹ CO 1030/1285A, Extract from Report titled Pirates Off Coast of North Borneo by Commander in Chief, Far East Station's Report, 20 November 1961.
- ³² CO 1030/1285A, Memorandum Joint Defence Advisory Committee Borneo titled Pirates in the Tawau area, 24 April 1961.
- ³³ Lela Garner Noble, *Philippines Policy toward Sabah: A Claim to Independence*, Arizona: University of Arizona Press, 1977, hlm. 163.
- ³⁴ *Foreign Affairs Malaysia*, Jil. 1, No.7 & 8, March 1968, hlm. 3-7.
- ³⁵ “President Marcos Speech on 24th June 1966”, hlm. 18.
- ³⁶ “President Marcos Speech on 24 June 1966”, *Foreign Affairs Review*, Jil. 5, No.1, Januari-Jun 1966, hlm. 18.
- ³⁷ Ibid.
- ³⁸ “Philippine Malaysia Agreements”.
http://kualalumpurpe.dfa.gov.ph/philippine-malaysia_agreements?tmpl=component&print=1. Diakses pada 14 March 2018.
- ³⁹ *News Straits Times*, 29 Mei 1996, hlm. 22.
- ⁴⁰ Ibid.
- ⁴¹ “Republic of Philippine to host Joint Commission Meeting (JCM)”.
<http://www.Gmanetwork.com/news/news/nation/113578/rp-to-host-joint-commission-meeting-with-Malaysia/story/>. Diakses pada 14 Mac 2018.
- ⁴² “Philippine Malaysia Agreements available”.
http://kualalumpurpe.dfa.gov.ph/philippine-malaysia_agreements?tmpl=component&print=1. Diakses pada 14 Mac 2018.
- ⁴³ “Republic Philippine-Malaysia joint Military Exercise Begins”.
http://library.perdana.org.my?Digital_Content?NA/Serial/BTDM /BTDM5% 5BSept-Okt2003% 5D?PerdanaMenetriBersama-samatenteradarat.pdf/. Diakses pada 14 Mac 2018.
- ⁴⁴ Ibid.
- ⁴⁵ Chandran Jeshurun, *Malaysia: Fifty Years of Diplomacy, 1957-2007*, Petaling Jaya: The Other Press, 2007, hlm. 303.
- ⁴⁶ “Bomb caused Philippine ferry fire”, *BBC News*. <http://news.bbc.co.uk/2/hi/asia-pacific/3732356.stm>. Diakses pada 18 Mac 2018.
- ⁴⁷ Ruhanas Harun, “PeningkatanKeselamatan Bersama MelaluiKerjasamaDuahala Malaysia Dan Negara-negara Jiran”, *Jebat*, No. 36, 2009, hlm. 16-40.
- ⁴⁸ Lino Miani, *Sulu Arms Market National Responses to a Regional Problem*, Singapore: ISEAS Publishing, 2011, hlm. 4.

- ⁴⁹ CarolinLiss, “The Privatisation of Maritime Security- Maritime Security in Southeast Asia: Between a rock and a hard place?”, *Working Paper No. 141*, Februari 2007.
<https://www.tandfonline.com/doi/abs/10.1080/10357718.2013.831810>. Diakses pada 18 Mac 2018.
- ⁵⁰ Hafiza Nur Adeen Nor Ahmad, “Malaysian Foreign Fighters from Past to Present: Different Pathways to Terror”.<http://www.mei.edu/content/map/malaysian-foreign-fighters-past-present-different-pathways-terror>. Diakses pada 14 March 2018.
- ⁵¹ Ibid.
- ⁵² Joseph G. Lariosa, “Marwan’s Plea to His Jailed Brother in U.S”.
<http://www.philippinedailymirror.com/marwans-plea-to-his-jailed-brother-in-u-s/>. Diakses pada 18 Mac 2018.
- ⁵³ Hafiza Nur Adeen Nor Ahmad, “Malaysian Foreign Fighters from Past to Present: Different Pathways to Terror”.
- ⁵⁴ “Philippine Malaysia Agreements”.
[http://kualalumpur.dfa.gov.ph/philippine-malaysia agreements?tmpl=component&print=1](http://kualalumpur.dfa.gov.ph/philippine-malaysia-agreements?tmpl=component&print=1). Diakses pada 14 Mac 2018.
- ⁵⁵ Ibid.
- ⁵⁶ CO 1030/1285A, Special Branch Monthly Intelligence Report, North Borneo January 1960.
- ⁵⁷ Ibid.
- ⁵⁸ CO 1030/1285A, Extract from report by Sir W.Goods to Secretary of State for the Colonies.
- ⁵⁹ *Foreign Trade Statistics of Philippine 1964-1968*, Department of Commerce and Industry, Bureau of the Census and Statistics. <https://psa.gov.ph/content/foreign-trade-statistics-philippines>. Diakses pada 10 Januari 2018. Maklumat secaraasalnya terdapat dalam Filipino Peso telah ditukarkan kepada USD berdasarkan kadar pertukaran bank Filipina pada tahun 1965.
- ⁶⁰ *Foreign Trade Statistics of Philippine 1969*, Department of Commerce and Industry, Bureau of the Census and Statistics. <https://psa.gov.ph/content/1965-foreign-trade-statistics-philippines>. Diakses pada 10 Januari 2018.
- ⁶¹ Diubahsuai daripada *Foreign Trade Statistics of the Philippines, 1970-1980*.
- ⁶² *Foreign Trade Statistics of Philippine 1964-1968*.
- ⁶³ Ibid.
- ⁶⁴ *Foreign Trade Statistics of Philippine 1970-1980*.
- ⁶⁵ *New Straits Times*, 3 Julai 1986
- ⁶⁶ *New Straits Times*, 13 Ogos 1987.
- ⁶⁷ Ibid.
- ⁶⁸ *Foreign Trade Statistics of Philippine 1970-1980*, Department of Commerce and Industry, Bureau of the Census and Statistics. <https://psa.gov.ph/content/foreign-trade-statistics-philippines>. Diakses pada 10 Januari 2018.
- ⁶⁹ Ibid.
- ⁷⁰ EmanMohd Hanif, “Malaysia-Philippines Relations”, *Foreign Relations Journal*, Disember 1989, hlm. 174-183.
- ⁷¹ *Foreign Trade Statistics of Philippine 1970-1980*.
- ⁷² Ibid.
- ⁷³ Ibid.
- ⁷⁴ *Foreign Trade Statistics of Philippine 2000-2010*.
- ⁷⁵ Ibid.
- ⁷⁶ Ibid.
- ⁷⁷ Ibid.
- ⁷⁸ Petron Philippines ialah syarikat penapisan dan pemasaran minyak terbesar yang membekalkan lebih satu pertiga daripada keperluan minyak negara. See <https://www.petron.com/about-history.html>. Diakses pada 18 Januari 2018.
- ⁷⁹ “Trade and Investment and Tourism”.
<http://www.philembassykl.org.my/main/index.php/overview-of-relations/trade-and-investments-and-tourism>. Diakses pada 18 Januari 2018.
- ⁸⁰ “History of Petron Philippines”. <https://www.petron.com/about-history.htm>. Diakses pada 18 Januari 2018.
- ⁸¹ Ibid.
- ⁸² <https://www.petron.com/about-history.html>. Diakses pada 18 Januari 2018.
- ⁸³ Ibid.
- ⁸⁴ “Trade and Investment and Tourism”.
- ⁸⁵ “Port Dickson Refinery”. <https://www.petron.com.my/web/site/slider/20>. Diakses pada 18 Januari 2018. See also “Trade and Investment and Tourism”.

- ⁸⁶ Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS) established in 1974, is Malaysia's fully integrated oil and gas multinational company. It is the custodian of Malaysia's national oil and gas resources, functioning to explore, produce and deliver energy to meet society's growing needs. See <http://www.petronas.com.my/about-us/Pages/default.aspx>. Diakses pada 18 Januari 2018.
- ⁸⁷ *Petronas Annual Report 2005*. <http://www.petronas.com.my/about-us/Pages/default.aspx>. Diakses pada 18 Januari 2018.
- ⁸⁸ <https://centurybattery.com.my/the-battery-expert/>. Accessed on 25 January 2018. See also "Trade and Investment and Tourism". <http://www.philembassykl.org.my/main/index.php/overview-of-relations/trade-and-investments-and-tourism>. Diakses pada 18 Januari 2018.
- ⁸⁹ Joy Lee, *Big on Batteries*. <https://www.thestar.com.my/news/community/2012/11/16/big-on-batteries/#0OtCWoXODzSQyo5h.99>. Diakses pada 25 Januari 2018.
- ⁹⁰ "Trade and Investment and Tourism". <http://www.philembassykl.org.my/main/index.php/overview-of-relations/trade-and-investments-and-tourism>. Diakses pada 18 Januari 2018.
- ⁹¹ Ibid.
- ⁹² "Maybank Overview". <http://www.maybank.com/en/about-us/who-we-are/overview.page>. Accessed on 18 January 2018. See also "Overview of Trade and Investment and Tourism". <http://www.philembassykl.org.my/main/index.php/overview-of-relations/trade-and-investments-and-tourism>. Diakses pada 18 Januari 2018.
- ⁹³ "Maybank Philippines". <http://www.maybank.com/en/worldwide/all-countries/phippines.page>. Diakses pada 18 Januari 2018. See also "Trade and Investment and Tourism".
- ⁹⁴ "Trade and Investment and Tourism".
- ⁹⁵ "Company profile Shangri-La Hotels and Resorts". <http://www.shangri-la.com/corporate/press-room/press-releases/company-profile>. Diakses pada 18 Januari 2018.
- ⁹⁶ "Promoting Trade and Investment between the Philippines and Malaysia". <http://www.philembassykl.org.my/main/index.php/overview-of-relations/9-uncategorised/197-promoting-trade-and-investments-between-the-philippines-and-malaysia>. Diakses pada 16 Januari 2018. See also "MTD ACPI Engineering Berhad". http://www.mtdacpi.com/?page_id=2. Diakses pada 18 Januari 2018
- ⁹⁷ *Manila Standard*, 31 January 1993.
- ⁹⁸ "CAVITEX". <http://www.trb.gov.ph/toll-road-projects/cavite>. Accessed on 18 January 2018.
- ⁹⁹ *New Straits Times*, 25 Jun 1997.
- ¹⁰⁰ Ibid.
- ¹⁰¹ "UEM-MARA to Build P5.55 billion Manila-Cavite Toll Road, 2nd January 2008". <https://www.philstar.com/business/2008/01/02/36404/uem-mara-build-p555-b-manila-cavite-toll-road#TAeXgB0p1MxOed1U.99>. Diakses pada 18 Januari 2018.
- ¹⁰² "Promoting Trade and Investment between the Philippines and Malaysia". <http://www.philembassykl.org.my/main/index.php/overview-of-relations/9-uncategorised/197-promoting-trade-and-investments-between-the-philippines-and-malaysia>. Diakses pada 16 Januari 2018. Lihat juga "MTD ACPI Engineering Berhad". http://www.mtdacpi.com/?page_id=2. Diakses pada 18 Januari 2018.
- ¹⁰³ FCO 15/303 DP3/4, Letter by R.M. Hunt officer at British Deputy High Commissioner office in Eastern Malaysia based in Jesselton to W. Bentley Esquire in British Embassy Kuala Lumpur and Far East Pacific Department Commonwealth London, 7th March 1967, Philippines Political Affairs (Bilateral) Malaysia, Malaysia/Philippines Relations.
- ¹⁰⁴ Ibid.
- ¹⁰⁵ Ibid.
- ¹⁰⁶ C. W. Stahl, "Manpower Export and Economic Development: Evidence from the Philippines", *International Migration Journal*, No. 26, Julai 1988, hlm. 147-170.
- ¹⁰⁷ "Total and Average Cash Remittance of Overseas Filipino Workers, National Statistics Office, 2009 and 2010", *Survey on Overseas Filipinos*. <https://psa.gov.ph/sites/default/files/attachments/hsd/specialrelease/TABLE%209%20Total%20and%20Average%20Cash%20Remittance%20of%20Overseas%20Filipino%20Workers.pdf>. Diakses pada 13 Mac 2018.
- ¹⁰⁸ "Remittances of Overseas Filipino Workers (OFW) by country of Origin", *Philippines Statistics Authority*. <http://psa.gov.ph/sites/default/files/YLS%202006>. Diakses pada 10 Januari 2018.
- ¹⁰⁹ "National Statistics Office, 2010 Survey on Overseas Filipino Workers (OFW)". <http://psa.gov.ph/sites/default/files/2010%20Survey%20On%20Overseas%20Filipinos%20A%20Report%20On%20The%20Overseas%20Filipino%20Workers.pdf>. Diakses pada 10 Januari 2018.
- ¹¹⁰ Ibid.
- ¹¹¹ "Commission of Filipinos Overseas 1998". <http://www.cfo.gov.ph/33-aboutthesecretary/profile.html>.

¹¹² “EAGA A Rich Market for Skilled Workers”. *Business World*, 22 Ogos 1996.

¹¹³ Press Kit State visit to Malaysia of Her Excellency Gloria Macapagal Arroyo on 7-9th August 2001.

¹¹⁴ “Percentage Distribution of Overseas Filipino Workers by Region of Origin and Place of Work Abroad, Philippines: 2005 and 2006”.

<https://psa.gov.ph/sites/default/files/attachments/hsd/pressrelease/PRSOF2007-38TAB2.pdf>. Diakses pada 17 Mac 2018.

¹¹⁵ “EAGA A Rich Market for Skilled Workers”.

¹¹⁶ “Global mapping of Overseas Filipinos, Top 10 countries of destination”. <http://www.cfo.gov.ph/downloads/statistics/830-global-mapping-of-overseas-filipinos.html>. Diakses pada 10 Januari 2018.

¹¹⁷ Helen E.S. Nesadurai, Malaysia's conflict with the Philippines and Indonesia over labour migration: economic security, interdependence and conflict trajectories, *The Pacific Review* 26 (1), 89-113